

12/09/2003

Ke arah negara dagang (HL)

Azizi Othman; Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara perdagangan sebenar menjadi teras Bajet 2004 yang akan dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, petang ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, Bajet 2004 akan memberi pelbagai galakan, sokongan dan promosi kepada pengeluar tempatan tulin untuk membantu eksport barangan keluaran Malaysia ke pasaran global.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, walaupun nilai perdagangan Malaysia sekarang hampir 200 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pendapatan dari sektor itu kecil kerana kebanyakan barangan eksport, dikeluarkan syarikat asing.

"Syarikat asing biasanya mengimport komponen nilai ditambah dan mengeksportnya, menyebabkan negara tidak mendapat nilai sebenar daripada eksport itu berikutan sebahagian besar daripadanya berasal daripada barangan import.

"Setiap kali kita eksport seringgit, mungkin 80 sen daripadanya terpaksa diimport. Kita nak sekarang ini penekanan lebih kepada pengusaha tempatan supaya mereka mengeluarkan barangan Malaysia milik Malaysia.

"Seboleh-bolehnya kita mahu menggunakan sebanyak mungkin bahan tempatan dan dengan itu, nilai ditambahnya meningkat, sekali gus menambah pendapatan negara," katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan pembentangan Bajet 2004 di Perbendaharaan di sini, malam tadi.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh dan Timbalan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Ng Yen Yen serta pegawai kanan kementerian.

Dr Mahathir yang akan membentangkan bajet terakhirnya sebelum bersara akhir Oktober depan, berkata kerajaan bagaimanapun berharap negara masih terus menerima kemasukan aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI).

"Kita tak nak kurang FDI tetapi kita mahu pelaburan tempatan terus berkembang, terutama dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kita harap PKS tidak lagi sekadar membekal kepada pengusaha dalam negeri tetapi mengeksport komponen ke luar negara," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, Bajet 2004 digubal mengikut kemampuan dengan kerajaan mengambil kira kedudukan kewangan negara dan memberi keutamaan kepada bidang yang dianggap perlu.

"Sudah tentu ada banyak yang perlu kita lakukan tetapi projek yang kurang terpaksa ditangguhkan. Permintaan daripada kementerian, kalau kita nak ikut, kita kena ada peruntukan tiga kali ganda lebih banyak.

"Kementerian Kewangan terpaksa potong banyak permintaan daripada kementerian lain. Walaupun berasa tak senang hati, kita nak cuba kali ini supaya kita seboleh-bolehnya tidak perlu ada satu bajet tambahan tahun depan," katanya.

Perdana Menteri berkata, Bajet 2004 juga mengambil kira perbelanjaan 2005 untuk membolehkan projek tertentu boleh terus dilaksanakan dengan semua urusan awal yang tidak memerlukan wang sudah dilaksanakan.

"Jadi proses membuat bajet akan menjadi lebih cekap dan tidak lagi seperti dulu," katanya.